

Empangan Klau bukan ancaman



Shahiruddin (berdiri) ketika meninjau keadaan Empangan Klau.

RAUB - Penduduk dinasihatkan supaya tidak bimbang dengan sebarang ancaman banjir atau air melimpah dari Empangan Klau yang telah siap dibina sepenuhnya berhampiran perkampungan RTP Klau, Felda Lembah Klau, Felda Krau 1, 2 dan 3. Adun Dong, Datuk Seri Shahiruddin Ab Moin berkata, beliau tidak melihat empangan terbabit sebagai ancaman, sebaliknya menganggap ia sebagai satu bentuk peluang menjana ekonomi penduduk setempat.

Menurutnya, dengan terbinanya empangan yang memiliki keluasan tadahan 331 kilometer persegi itu akan memberi peluang kegiatan ekonomi khususnya anak-anak muda setempat. "Saya minta agar pihak jabatan daerah berbincang bersama pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk merancang sesuatu bagi memberi peluang kepada penduduk memperoleh pekerjaan dan menjana pendapatan.

"Air empangan yang kini berada pada tahap maksima ini boleh mendatangkan hasil seperti ikan kepada penduduk. Malah, pihak kerajaan negeri juga akan membuat perbincangan secara tertutup bersama agensi terlibat bagi menjadikan kawasan tadahan ini sebagai satu bentuk projek pelancongan," katanya. Beliau ditemui pada sidang media selepas mengadakan lawatan rasmi meninjau kawasan tadahan air Empangan Klau, semalam.

Turut serta, Pegawai Daerah, Datuk Khairulnazar Mahmood, ketua-ketua jabatan dan pimpinan setempat bagi meninjau potensi ekonomi dan keusahawanan kawasan itu. Katanya, sepanjang tinjauan, kelihatan beberapa buah pulau sesuai dijadikan lokasi perhentian selain merancang membina beberapa jeti selain jeti yang ada di Felda Lembah Klau. "Kita ada perancangan tertentu yang akan dibincangkan kemudian di mana keputusan bergantung kepada perbincangan. Kita juga rancang untuk adakan pertandingan memancing peringkat kebangsaan dan antarabangsa setahun sekali di empangan ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau meminta pihak pejabat daerah dan KeTTHA mengambil tindakan awal untuk pembersihan pintu masuk air yang tercemar bagi menjaga imej empangan agar sentiasa bersih.

"Empangan ini adalah satu tarikan buat pengunjung. Malah, saya dapat tahu ada antara anak muda membeli bot bersaiz sederhana untuk disewakan kepada pengunjung," katanya.

Shahiruddin turut meminta pihak KeTTHA membawa pandangannya ke pihak pengurusan tertinggi bagi memikirkan satu jalan agar air di empangan terbabit turut disalurkan kepada penduduk Raub memandangkan daerah tersebut mengalami masalah krisis air teruk.

"Penduduk akan mempertikai kewujudan empangan yang berada di daerah itu, sedangkan ia sering mengalami gangguan bekalan air sekurang-kurangnya 63 kali dalam sebulan berikutan punca air tercemar berpunca dari kegiatan pertanian di tepi sungai," katanya.